

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Perenggan 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI).

Apa yang ditemui Audit?

- Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 13 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Sebanyak lapan agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki lima agensi mengemukakan penyata kewangan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, tiga daripada lima agensi tersebut mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh tiga hingga tujuh hari selepas tarikh akhir kelulusan.
- Empat agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Kesemua agensi terlibat telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri sehingga 31 Ogos 2022. Bagaimanapun, tiada

permohonan pelanjutan tempoh yang baharu dikemukakan selepas tarikh tersebut.

- Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tiga daripada 13 penyata kewangan tahun 2021 yang telah diterima untuk diaudit melibatkan satu penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT. Penyata kewangan BBN terlibat ialah Lembaga Sumber Air Terengganu yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala penyata kewangan PBT iaitu Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Hulu Terengganu turut diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Selain itu, sebanyak 10 penyata kewangan tahun 2021 masih dalam proses pengauditan manakala empat penyata kewangan masih belum diterima untuk diaudit.

Apa yang disyorkan Audit?

- Agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan.
- Agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai pada masa kini.
- Agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif dalam tempoh tiga tahun peralihan bagi memastikan penyata kewangan mematuhi sepenuhnya kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN DAN PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

AGENSI NEGERI TAHUN 2021	Bilangan Agensi Negeri	17 Akaun Agensi
	9 Badan Berkanun Negeri	3 Pendapat Tanpa Teguran
	7 Pihak Berkuasa Tempatan	10 Belum Disahkan
	1 Majlis Agama Islam	4 Belum Diterima

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat sama ada penyata kewangan agensi negeri menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2022, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 17 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2021 berbanding 16 agensi pada tahun 2020 disebabkan pertambahan agensi baharu iaitu Lembaga Sumber Air Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sembilan merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan di bawah enakmen tubuh agensi masing-masing, tujuh penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengaudit terhadap penyata kewangan bagi tiga BBN, dua PBT dan MAI manakala 11 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Subseksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit

Negara melantik mana-mana pihak yang berwibawa untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Syarat pelaksanaan pengauditan ini telah ditetapkan melalui perjanjian yang dimeterai.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2021 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut antaranya penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah menetapkan bahawa penyata kewangan tahun 2021 hendaklah dikemukakan berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam enakmen tubuh agensi masing-masing. Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 13 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Sebanyak lapan agensi negeri mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala baki lima agensi mengemukakan penyata kewangan setelah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada Pegawai Kewangan Negeri. Bagaimanapun, tiga daripada lima agensi tersebut mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh tiga hingga tujuh hari selepas tarikh akhir kelulusan.

3.2. Empat agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 untuk diaudit. Kesemua agensi terlibat telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan dan mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri sehingga 31 Ogos 2022. Bagaimanapun, tiada permohonan pelanjutan tempoh yang baharu dikemukakan selepas tarikh tersebut. Kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Sumber Air Terengganu	18.05.2022
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	07.07.2022**
3.	Yayasan Islam Terengganu	07.07.2022**

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	18.08.2022**
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	30.08.2022*
6.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	Belum diterima
7.	Yayasan Terengganu	Belum diterima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum diterima
9.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Dungun	18.04.2022
2.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	08.05.2022
3.	Majlis Daerah Besut	30.05.2022
4.	Majlis Daerah Marang	31.05.2022
5.	Majlis Perbandaran Kemaman	12.06.2022
6.	Majlis Daerah Setiu	30.06.2022
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	30.06.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	30.06.2022*

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota : (*) – Mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri

(**) – Mengemukakan penyata kewangan selepas tarikh akhir kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mestilah lengkap dan boleh diaudit. Penyata kewangan hendaklah mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah; Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan yang bertandatangan; dan dokumen serta jadual sokongan yang lengkap. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan boleh diaudit akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Agensi Persekutuan. Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia ialah Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dan Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS). MFRS adalah terpakai kepada agensi yang tertakluk di bawah undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab antaranya menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. JANM telah menerbitkan Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS) melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam Ministerial Function Acts 1969 untuk diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri serta agensi Persekutuan dan negeri.

4.3. Sebanyak 16 agensi negeri telah menerima pakai MPSAS buat kali pertama dalam menyediakan penyata kewangan bagi tahun 2021. Selain itu, satu agensi negeri menerima pakai MPERS. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)	1
2.	Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)	16
JUMLAH		17

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan ISSAI yang menetapkan sebanyak dua jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat Tanpa Teguran menunjukkan Juruaudit berupaya memberikan pendapat yang benar dan saksama terhadap penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan. Ini termasuklah Juruaudit mempertimbangkan perkara seperti berikut:

5.1.1. Perenggan Penegasan Perkara [Emphasis of Matter (EOM)]

Perenggan Penegasan Perkara menyatakan atau mendedahkan perkara yang pada pertimbangan profesional juruaudit adalah amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

5.1.2. Perenggan Hal-hal Lain [Other Matter (OM)]

Perenggan Hal-hal Lain merujuk kepada perkara selain daripada yang didedahkan atau dinyatakan dalam penyata kewangan. Pada pertimbangan juruaudit, perkara berkaitan adalah relevan kepada pemahaman pengguna mengenai pengauditan, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

5.1.3. Perenggan Perkara Utama Audit [Key Audit Matters (KAM)]

Perenggan Perkara Utama Audit meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

5.2.1. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan adalah material tetapi tidak pervasif.

5.2.2. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu atau agregat adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

5.2.3. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif, di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, Penafian Pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan dan kesan kumulatif terhadap penyata kewangan.

5.3. Setakat 31 Ogos 2022, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan tiga daripada 13 penyata kewangan tahun 2021 yang telah diterima untuk diaudit melibatkan satu penyata kewangan BBN dan dua penyata kewangan PBT. Penyata kewangan BBN terlibat ialah Lembaga Sumber Air Terengganu yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala penyata kewangan PBT iaitu Majlis Perbandaran Dungun dan Majlis Daerah Hulu Terengganu turut diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran. Selain itu, sebanyak 10 penyata kewangan tahun 2021 masih dalam proses pengauditan manakala empat penyata kewangan masih belum diterima untuk diaudit. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP PENYATA
KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2017 HINGGA 2021

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2017	2018	2019	2020	2021
1.	Pendapat Tanpa Teguran	15	15	10	13	3
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan Penegasan Perkara/Hal-hal Lain	1	-	2	1	-
3.	Pendapat Berteguran	-	1	4	2	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
JUMLAH		16	16	16	16*	3**

Sumber : Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2017 hingga 2021

Nota : (*) – Sebanyak 3 pensijilan penyata kewangan agensi negeri tahun 2020 telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2020 manakala 13 pensijilan lagi dilaporkan dalam LKAN Tahun 2021

(**) – Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 14 daripada 17 penyata kewangan agensi negeri masih belum dimuktamadkan

5.4. Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 17 agensi negeri bagi tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

BIL.	AGENSI NEGERI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Lembaga Sumber Air Terengganu	Selesai
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	Dalam proses pengauditan
3.	Yayasan Islam Terengganu	Dalam proses pengauditan
4.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	Dalam proses pengauditan
5.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	Dalam proses pengauditan
6.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	Belum diterima
7.	Yayasan Terengganu	Belum diterima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum diterima
9.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Dungun	Selesai
2.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	Selesai
3.	Majlis Daerah Besut	Dalam proses pengauditan
4.	Majlis Daerah Marang	Dalam proses pengauditan
5.	Majlis Perbandaran Kemaman	Dalam proses pengauditan
6.	Majlis Daerah Setiu	Dalam proses pengauditan
7.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Dalam proses pengauditan
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	Dalam proses pengauditan

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. **Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Agensi Negeri Bagi Tahun 2020**

5.5.1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2021 hanya melaporkan tiga penyata kewangan agensi negeri yang dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara setakat 31 Ogos 2021. Agensi negeri tersebut ialah Yayasan Islam Terengganu dan Majlis Perbandaran Dungun yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran serta Lembaga Muzium Negeri Terengganu yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara Pendapat Tanpa Teguran dengan Perenggan Penegasan Perkara. Sebanyak 13 penyata kewangan agensi negeri yang lain tidak

dilaporkan dalam laporan tersebut kerana belum selesai diaudit setakat 31 Ogos 2021.

5.5.2. Sijil Ketua Audit Negara telah dikeluarkan terhadap 13 penyata kewangan tersebut yang terdiri daripada 11 Pendapat Tanpa Teguran dan dua Pendapat Berteguran. Butiran lanjut mengenai penyata kewangan agensi negeri tahun 2020 yang diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Berteguran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
SIJIL KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2020 DENGAN PENDAPAT BERTEGURAN

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
1.	Yayasan Terengganu	Baki pinjaman pelajaran di Lejar Am Kewangan berbeza dengan baki di Sistem Pelajar sejumlah RM5.79 juta. Perbezaan ini berlaku disebabkan ketidaaan fail fizikal yang melibatkan 1,837 orang pelajar yang tidak dikemas kini berjumlah RM3.70 juta dan amaun sejumlah RM2.08 juta yang tidak dapat dikenal pasti untuk disahkan.
2.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	a. Berdasarkan Nota 24 kepada penyata kewangan, baki Pinjaman Bercagar berjumlah RM237.49 juta berbeza dengan baki yang dinyatakan pada pengesahan bank yang berjumlah RM275.99 juta. Perbezaan sejumlah RM38.50 juta disebabkan oleh pelarasan faedah pinjaman yang telah dipermodalkan kepada kos pembangunan projek PB Square, PB Sentral dan PB Plaza. Pihak PMINT telah membuat pengiraan semula bagi faedah bank dengan mengambil kira anggaran faedah yang belum dilunaskan. Pelarasan faedah pinjaman tersebut tidak mematuhi MFRS 123 perenggan 12 yang menyatakan amau kos pinjaman yang layak untuk dipermodalkan bagi aset tersebut hendaklah ditentukan sebagai kos pinjaman sebenar yang ditanggung atas pinjaman dalam tempoh tersebut. b. PMINT telah mempermudahkan keseluruhan kos faedah pinjaman bank bagi pinjaman yang dibuat untuk pembiayaan projek PB Square, PB Sentral dan PB Plaza yang telah siap dan telah mendapat manfaat. Mengikut MFRS 123 perenggan 22, permodalan kos pinjaman hendaklah dihentikan apabila sebahagian atau keseluruhan aset layak telah digunakan. Perkara ini menyebabkan kos aset bagi projek tersebut telah terlebih nyata sejumlah RM108.08 juta. Selain itu, kos pinjaman dan faedah kena bayar juga terkurang nyata masing-masing sejumlah RM38.35 juta dan RM112.84 juta.

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2020

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan enakmen penubuhan BBN (kecuali Majlis Sukan Negeri Terengganu) serta Majlis Agama Islam telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi negeri yang telah diaudit berserta Sijil Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, satu salinan penyata kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Setakat 31 Ogos 2022, 15 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2020 yang disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di DUN. Bagi Majlis Sukan Negeri Terengganu, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN. Tarikh pembentangan bagi 15 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2020 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2022

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
1.	Yayasan Islam Terengganu	15.11.2021
2.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	21.03.2022
3.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	21.03.2022
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	21.03.2022
5.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	21.03.2022
6.	Yayasan Terengganu	21.03.2022
7.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	25.07.2022
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Perbandaran Dungun	15.11.2021
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	15.11.2021
3.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	21.03.2022
4.	Majlis Daerah Besut	21.03.2022
5.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	21.03.2022
6.	Majlis Daerah Marang	21.03.2022
7.	Majlis Daerah Setiu	21.03.2022
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	25.07.2022

Sumber: Minit Persidangan Dewan Undangan Negeri Terengganu

7. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2022, sebanyak 13 daripada 17 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2021 manakala empat agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Hanya tiga daripada 13 penyata kewangan tahun 2021 yang diterima telah dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara dan diberi Pendapat Tanpa Teguran. Manakala baki 10 penyata kewangan lagi masih dalam proses pengauditan.

8. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi keperluan piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 8.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditabile* mengikut tempoh ditetapkan;
- 8.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai pada masa kini; dan
- 8.3. agensi negeri perlu mengambil tindakan proaktif dalam tempoh tiga tahun peralihan bagi memastikan penyata kewangan mematuhi sepenuhnya kehendak Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).